



KENYATAAN MEDIA

PENCEMARAN SUNGAI AKIBAT PEMBUANGAN SISA

1. Pada jam 5.00 petang semalam (3 April 2018), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima laporan daripada pihak AIR Selangor Berhad berkenaan pencemaran bau anak Sg. Guntong di sekitar kawasan Bukit Beruntung.
2. Siasatan yang dijalankan oleh pihak AIR Selangor bersama LUAS dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mendapati buih dan sisa berwarna putih serta berbau busuk dikesan di aliran pelepasan premis industri yang disyaki melepaskan bahan tersebut iaitu syarikat Econpile Sdn. Bhd..
3. Analisa pensampelan yang dijalankan oleh pihak AIR Selangor menunjukkan 10 ton bau dikesan di titik pelepasan akhir premis terlibat. Manakala sekitar 8 ton di longkang aliran pelepasan premis dan 2 ton di Sg. Guntong.
4. Jarak lokasi kejadian ke muka sauk loji pembersihan air (LPA) Rantau Panjang adalah sekitar 13 Km. Pihak LUAS, AIR Selangor dan juga MDHS telah mengambil langkah penguatkuasaan dan mitigasi untuk menghentikan pelepasan tersebut daripada berterusan. *Activated Carbon* (AC) diletakkan di saluran sebelum memasuki anak Sg. Guntong untuk mengurangkan bau di dalam air sungai. Penguatkuasaan terhadap premis yang tidak bertanggungjawab tersebut telah dilakukan dengan menghentikan operasi serta merta dan akan disusuli dengan tindakan undang-undang berdasarkan bidang kuasa dan kesalahan yang terlibat.
5. Jangkaan awal air yang tercemar berkenaan sampai ke muka sauk LPA Rantau Panjang sekitar jam 6 pagi ini dan seterusnya ke muka sauk LPA SSP1, SSP2 dan SSP3 pada jam 9 pagi. Sekiranya insiden ini tidak ditangani, ianya akan mengakibatkan henti tugas LPA utama dan menjejaskan bekalan air bersih ke



kawasan Lembah Klang, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam sehingga ke Kuala Langat.

6. Walaubagaimanapun, sehingga jam 10 pagi tadi, tiada lagi bau dikesan di titik pensampelan dan Sg. Guntong. Keadaan di lokasi adalah terkawal dan tiada henti tugas LPA dilakukan. Siasatan dan tindakan susulan terhadap insiden ini sedang dilakukan.

Disediakan oleh:

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR